


Bijak Melabur dengan Dana Patuh Syariah

Disediakan oleh:
AHAM Asset Management Berhad
(Dahulu dikenali sebagai Affin Hwang Asset Management Berhad)



Tahukah anda bahawa Malaysia ialah pasaran ketiga terbesar bagi produk kewangan Islam global dan juga merupakan penerbit sukuk terbesar di dunia?

Kepesatan pertumbuhan sektor ini telah membuka pelbagai peluang bagi pelabur yang bukan sahaja mahu mendapatkan pulangan lebih tinggi, tetapi juga berpegang kepada prinsip dan nilai peribadi masing-masing. Walau apa pun kepercayaan atau pegangan agama, semua pelabur boleh memanfaatkan tahap kepelbagaian lebih tinggi dalam portfolio mereka menerusi dana patuh Syariah.

Tetapi jika anda masih belum memahami ciri-ciri dana seperti ini dan pelaburan yang terbabit, berikut adalah panduan asas bagi anda:-

Apakah yang dimaksudkan dengan Dana Patuh Syariah?

Dana patuh Syariah adalah sejenis dana unit amanah yang mematuhi prinsip Islam, di mana pelaburan yang dibuat perlu bebas daripada riba (faedah), gharar (spekulasi), maysir (perjudian), dan unsur tidak halal yang lain.

Dana patuh Syariah boleh menggunakan strategi berbeza untuk mencapai objektif yang ditetapkan seperti melabur dalam saham-saham pertumbuhan untuk mencapai peningkatan modal jangka panjang atau melaksanakan strategi pendapatan dengan melabur dalam saham dividen atau terbitan sukuk untuk menjana pendapatan konsisten.

Apakah Pelaburan yang dibuat oleh Dana Patuh Syariah?

Walaupun dana konvensional hampir tiada sekatan dari segi pelaburan yang boleh dibuat, dana patuh Syariah menjalani proses penilaian teliti untuk menyaring sektor yang tidak patuh Syariah. Ini termasuk industri yang tidak dianggap beretika seperti alkohol, perjudian dan tembakau.

Di samping itu, proses saringan juga akan mengambil kira faktor akaun kewangan seperti paras hutang. Sebagai contoh, sebuah syarikat yang mempunyai lebih 33% liabilitinya dalam bentuk hutang membayar faedah berbanding jumlah asetnya tidak boleh dianggap patuh Syariah. Oleh yang demikian, syarikat-syarikat dengan nisbah hutang yang tinggi juga diketepikan.

Apakah Kelebihannya?

Disebabkan oleh proses saringan, ciri-ciri aset asas pelaburan patuh Syariah lazimnya lebih bersifat bertahan dengan memberi tumpuan kepada lembaran imbalan yang lebih kukuh dan mengecualikan syarikat-syarikat dengan paras hutang yang tinggi.

Dengan mengelakkan syarikat-syarikat yang beroperasi dalam industri tidak beretika dan tidak bersedia untuk menempuh masa depan, strategi pelaburan Syariah memberi penekanan kepada faktor kelestarian yang kini sudah menjadi sebahagian daripada pemacu prestasinya.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kita telah melihat pertindanan semakin besar antara prinsip Syariah dan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), lantas meningkatkan kesedaran tentang faktor-faktor semasa yang mempengaruhi muka bumi dan masyarakat.

Percantuman prinsip ini juga telah mengaburi perbezaan antara pelaburan lestari dan Syariah, seterusnya menarik perhatian pelabur tanpa mengira kepercayaan masing-masing.

Tetapi nilai-nilai yang dipegang ini tidak menyekat potensi pulangan pelaburan Syariah walaupun dengan pilihan instrumen pelaburan lebih kecil. Dana patuh Syariah juga boleh melaksanakan strategi berpacuan pertumbuhan menerusi pendedahan kepada sektor teknologi. Tidak ramai yang sedar bahawa syarikat teknologi global terkenal seperti Microsoft, Tencent dan Nintendo merupakan saham patuh Syariah.

Jadual 1: Perbandingan antara Dana Konvensional dan Syariah

	Konvensional	Dana Patuh Syariah
Pilihan Pelaburan	Pilihan pelaburan lebih luas yang tidak dibatasi oleh sebarang sekatan.	Mesti mematuhi prinsip Islam dan mengelakkan sektor yang tidak patuh Syariah.
Risiko/Pulangan	Berpotensi menjana pulangan lebih tinggi, tetapi lebih terdedah kepada keadaan tidak stabil.	Lebih stabil dalam keadaan pasaran tertekan disebabkan pegangan bertahan dan proses saringannya.
Pelaburan Impak	Tidak semestinya sejajar dengan prinsip-prinsip ESG, bergantung kepada mandat dan objektif dana.	Mematuhi prinsip ESG dengan mengelakkan industri tidak beretika untuk menggalakkan tujuan sosial dan matlamat kewangan.

Yang Mana Lebih Baik?

Analisis jangka panjang mendapati bahawa dana konvensional dan patuh Syariah telah menjana pulangan yang setara sehingga kini. Bergantung kepada keadaan pasaran dan pilihan saham berbeza, salah satu jenis dana mungkin mengatasi yang lain.

Bagaimanapun, pelabur tidak perlu mengehendkan diri mereka kepada strategi konvensional atau Syariah. Dengan menggabungkan portfolio merangkumi strategi dan kelas aset berbeza, pelabur boleh menguruskan risiko dengan lebih baik dan mempelbagaikan pelaburan secara optimum.

Matlamat ini boleh dicapai kerana tahap hubung kait atau korelasi rendah antara kelas aset Syariah dan konvensional di mana prestasi tidak semestinya sebanding. Langkah ini boleh meningkatkan pulangan berasaskan risiko secara keseluruhan dengan meratakan turun naik portfolio, supaya pelabur boleh mencapai sasaran jangka panjang mereka.

Cara Bijak Untuk Melabur

Anda mahu melabur dalam portfolio pelaburan Syariah yang terpelbagai?

Memperkenalkan Aiiman Smart Invest Portfolio - Growth yang merupakan dana kepada dana berlandaskan Syariah dengan pegangan aset bercampur.

Menerusi gandingan idea dan strategi terbaik merangkumi kelas aset dan pengurus berbeza, pelabur boleh memanfaatkan peluang global dengan cara yang cekap dan mudah.



Fakta Dana:-

- Semua dalam satu**
 Memilih sekumpulan dana Syariah di dalam portfolio yang terpelbagai
- Berbilang Strategi**
 Memanfaatkan strategi terbaik dalam kelasnya yang diuruskan oleh Aiiman Asset Management dan barisan pengurus global
- Saringan Syariah**
 Prinsip Syariah diterapkan di dalam proses pengurusan pelaburan

Untuk maklumat lanjut, layari pautan <https://aiiman.com/list-of-funds/aiiman-smart-invest-portfolio-growth>



Penyataan Penafian: Kandungan artikel ini telah disediakan oleh AHAM Asset Management Berhad (dahulu dikenali sebagai Affin Hwang Asset Management Berhad) ("AHAM Capital") untuk kegunaan kumpulan sasaran khusus, dan untuk tujuan perbincangan sahaja. Semua maklumat terkandung dalam pembentangan ini dimiliki AHAM Capital dan tidak boleh disalin, diedarkan atau disebarluaskan dengan cara lain secara sepenuhnya atau sebahagiannya tanpa kebenaran bertulis daripada AHAM Capital. Maklumat yang terkandung dalam pembentangan ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada pandangan, analisis, unjuran dan jangkaan (secara bersama dirujuk sebagai "Pandangan"). Maklumat tersebut telah diperolehi daripada pelbagai sumber termasuk daripada domain awam, dan hanya merupakan pernyataan berasaskan kepercayaan. Walaupun pembentangan ini telah disediakan berdasarkan maklumat dan/atau Pandangan yang dipercayai betul pada masa pembentangan disediakan, AHAM Capital tidak memberikan jaminan secara tersurat atau tersirat terhadap ketepatan atau kelengkapan sebarang maklumat dan/atau Pandangan sedemikian. Seperti sebarang bentuk produk kewangan lain, produk kewangan yang disebutkan di dalam ini (jika ada) mempunyai pelbagai risiko. Walaupun usaha telah dibuat untuk mendedahkan semua risiko yang mungkin dihadapi, produk kewangan mungkin tertakluk kepada risiko terwujud yang timbul di luar jangkaan kami. Produk kewangan ini mungkin langsung tidak sesuai untuk anda, jika anda tidak sanggup menanggung risiko yang timbul daripada dan/atau behubungan dengannya. AHAM Capital tidak menjadi penasihat atau ejen kepada mana-mana individu yang menjadi sasaran pembentangan ini. Individu tersebut mesti membuat penilaian bebas sendiri tentang kandungan pembentangan ini, tidak harus menganggap kandungan ini sebagai nasihat berhubung dengan hal ehwal undang-undang, perakuan, percukaian atau pelaburan dan hendaklah berunding dengan penasihat masing-masing. AHAM Capital dan syarikat-syarikat sekutunya boleh bertindak sebagai principal dan ejen dalam mana-mana urusan niaga yang dipaparkan dalam pembentangan ini, atau sebarang transaksi lain berhubung dengan transaksi tersebut, dan hasilnya menerima yuran broker, komisen atau pendapatan lain. Tiada apa dalam pembentangan ini yang bertujuan untuk membuat atau dianggap sebagai tawaran untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan apa-apa sekuriti. AHAM Capital atau mana-mana pengarah, kakitangan atau wakilnya tidak menanggung sebarang liabiliti (termasuk liabiliti kepada mana-mana pihak kerana kecuaiannya, atau salah nyata cuai) daripada sebarang kenyataan, pandangan, maklumat atau perkara (tersurat atau tersirat) yang timbul daripada, terkandung dalam atau dihasilkan daripada atau tertinggal daripada pembentangan ini, melainkan liabiliti di bawah undang-undang yang tidak boleh dikecualikan.

Penyataan Amaran: Salinan Prospektus dan Halaman Serlahan Produk boleh diperolehi di pejabat jualan Aiiman Asset Management Sdn. Bhd., AHAM Capital dan di laman web www.aiiman.com. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus Aiiman Smart Invest Portfolio - Growth (atau "Dana") bertarikh 5 Oktober 2021 serta Halaman Serlahan Produk yang berkaitan sebelum melabur. Pelaburan dalam Dana yang dinyatakan di sini melibatkan fi dan caj tertentu. Pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan dan membandingkan fi dan caj serta risiko dengan teliti sebelum melabur. Pelabur perlu membuat penilaian sendiri mengenai risiko pelaburan dan mendapatkan nasihat profesional jika perlu. Harga unit dan agihan yang dibayar, jika ada, mungkin turun dan naik, dan prestasi masa lalu sesuatu Dana tidak seharusnya dijadikan panduan untuk prestasi pada masa hadapan. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak memeriksa risalah ini dan tidak bertanggungjawab atas kandungannya serta dengan jelas menafikan kesemua liabiliti yang berbangkit daripada risalah ini. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau keraguan berkenaan risalah versi Bahasa Malaysia ini, risalah dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan ianya muktamad.